

S. S. Bakar, Shed Muhd Kamal and **Esa, Ahmad** and Syed Abdulah, Syed Muhamad Dawilah (2013). In: Persidangan Pentaksiran Pra Universiti dan Pendidikan Tinggi 2013. 21 September 2013. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia.

Instrumen Penilaian Kemahiran Generik Dalam Kursus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK): Satu Analisis Literatur

Syed Muhd Kamal Bin S.A.Bakar¹

Ahmad bin Esa²

Syed Muhamad Dawilah Bin Syed Abdullah³

¹Institut Pendidikan Guru, Kampus Temenggong Ibrahim
80350 Johor Bahru, Johor.

^{2 & 3}Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
86400, Batu Pahat, Johor

Emel : syedkamal62@gmail.com/ahmad@uthm.edu.my

Kemahiran Generik penting dalam sektor pendidikan terutamanya di institusi perguruan. Menguasai kemahiran generik membolehkan bakal pelatih guru bersaing dalam dunia pekerjaan. Walaubagaimanapun bagi kursus-kursus tertentu di IPG seperti Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) tiada instrumen yang dapat menilai kemahiran generik dalam kalangan guru pelatih. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi tujuan menghasilkan satu instrumen yang boleh digunakan bagi menilai kemahiran generik para guru pelatih, di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Dalam kertas kerja ini beberapa konsep berkaitan dengan kemahiran generik yang merangkumi domain psikomotor, kognitif dan afektif dikemukakan. Menerusi kertas kerja ini juga, beberapa konsep kajian berkaitan kemahiran generik, program ijazah sarjana muda pendidikan yang merangkumi kajian tentang kurikulum serta pelaksanaannya di Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia, perihal kursus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, perihal instrumen penilaian yang digunakan untuk menilai kemahiran generik, perihal model pembangunan ujian, dan tentang teori-teori pengukuran yang dijadikan panduan dan rujukan dalam kajian. Pembinaan instrumen dilaksanakan mengikut prosedur asas yang melibatkan sepuluh langkah dan dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu peringkat reka bentuk, pembinaan dan pengesahan. Pada peringkat reka bentuk, pengkaji telah membahagikan kepada empat langkah, iaitu tujuan pembinaan instrumen, menentukan kandungan instrumen, memberi definisi dan membina jadual spesifikasi instrumen. Pada peringkat pembinaan, pengkaji membahagikan kepada penulisan item, penghakiman panel pakar dan semakan item. Pada peringkat pengesahan terdapat tiga langkah, iaitu kajian rintis, analisis kebolehppercayaan dan kesahan dan penambahbaikan item. Cabaran pendidikan kini mengalami transformasi yang semakin ketara dengan wujudnya kurikulum baru. Para guru pelatih dituntut untuk mempersiapkan diri bagi menghadapinya, justeru penerapan

kemahiran generik ini perlu dilakukan sejak latihan perguruan lagi. Oleh itu, satu instrumen yang sah dan boleh dipercayai adalah perlu untuk mengukur kemahiran generik agar kemahiran tersebut dapat dikenalpasti dan ditingkatkan sebelum guru pelatih melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

Kata kunci: *Instrumen Kemahiran Generik, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, guru pelatih,*

PENDAHULUAN

Profesion perguruan kini menjadi satu bidang yang memerlukan warganya sentiasa berupaya menghadapi saingan seiring dengan kemajuan dan keperluan masa kini. Guru-guru dituntut supaya lebih kompeten dalam menjalankan tugasnya. Bagi melahirkan guru-guru yang kompeten, kita perlu mengenalpasti unsur-unsur atau elemen yang akan dapat melahirkan guru yang kompeten. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kompeten membawa maksud cekap, berwibawa dan terlatih. Jadi, guru yang kompeten dapat didefinisikan sebagai guru yang terlatih, berwibawa dan mempunyai kecekapan bukan hanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah, malah di luar bilik darjah itu sendiri. Tugas seorang guru bukan sahaja mengajar, tetapi turut meliputi tugas lain seperti mengelola aktiviti pelajar, mengurus organisasi, mengurus jawatankuasa dan bekerjasama dengan guru lain dalam melaksanakan agenda-agenda pendidikan di sekolah. Oleh yang demikian, guru-guru perlu mempunyai kemahiran-kemahiran bukan sahaja kemahiran mengajar, tetapi juga kemahiran mengurus, memimpin, berkomunikasi dengan berkesan, mampu menyelesaikan masalah, serta mempunyai etika kerja yang tinggi (Nashuha, 2009). Kesemua elemen ini merupakan elemen yang membawa kepada pembentukan atribut guru dalam kemahiran generik.

Institusi yang melahirkan para guru telah menyediakan dan membekalkan guru setiap tahun ke pasaran. Namun, adakah setiap guru yang dipasarkan itu benar-benar bersedia untuk mengharungi profesion ini? Profesion ini memerlukan tahap profesional yang tinggi untuk seorang itu benar-benar berwibawa. Pencapaian akademik adalah sebahagian daripada ukuran kepada kejayaan pelajar mengikut sesuatu kursus di universiti dan Institut Pendidikan Guru (IPG). Walau bagaimanapun tahap kesediaan pelajar untuk mengharungi dunia luar selepas mengikuti kursus dengan jayanya di universiti dan IPG telah menjadi persoalan yang hangat dibincangkan sejak akhir-akhir ini. Pencapaian di transkrip akhir pengajian pendidikan belum boleh menjamin tahap profesional guru itu. Pelbagai persoalan timbul berkaitan dengan bagaimanakah pelajar itu belajar, apakah kemahiran generik yang telah diterapkan dan apakah yang memotivasikan mereka untuk belajar dan apakah kaitannya dengan pencapaian mereka (Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), 2006).

Persoalan yang boleh dibangkitkan ialah sejauh mana guru-guru ini atau guru yang sedia dilantik di sekolah benar-benar bertingkah laku dan berpemikiran professional? Sebagai pendidik, guru mestilah menjadi contoh yang baik, selalu melakukan refleksi terhadap diri sendiri (Parson & Stephenson, 2005). Guru yang kompeten bukan sahaja

mampu mengajar murid dengan cemerlang, tetapi juga mempunyai keterampilan diri yang meyakinkan, berpegang dengan prinsip kerja yang tekun, serta bijak menempatkan diri dalam kalangan komuniti sekolah. (Erdiana, 2006).

Profesion perguruan perlu berkembang sesuai dengan kehendak semasa. Para guru mestilah sentiasa peka dan bersedia melakukan transformasi diri mengikut arus pendidikan. Melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan pada masa ini merupakan agenda utama yang perlu ada pada seseorang guru. Kompetensi peribadi dan kompetensi sosial perlulah dihayati sepenuhnya. Sebagai seorang pendidik sudah semestinya seorang guru itu memastikan dirinya telah dididik dengan sebaik mungkin bagi persediaan menghadapi segala situasi dalam profesionnya. Bagi memastikan perkara ini dapat direalisasikan, pengkaji merasakan perlunya satu bentuk penilaian khusus untuk menilai kemahiran generik para bakal guru diadakan, khususnya guru pendidikan jasmani di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Pengkaji membahagikan aspek penulisan literatur ini kepada beberapa bahagian utama; (i) kemahiran generik, (ii) Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (iii) perihal mata pelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan, (iv) perihal instrumen penilaian yang digunakan untuk menilai kemahiran generik, (v) perihal model pembangunan ujian, (vi) perihal teori-teori pengukuran yang dijadikan panduan dan rujukan dalam kajian.

Kemahiran Generik

Di Malaysia penilaian kemahiran generik pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mulai diberi fokus (Sharifah Hapsah, 2006) apabila terlaksana Malaysian Qualification Framework (MQF) pada tahun 2006. Pada peringkat bidang dan program MQF menekankan lapan domain hasil pembelajaran yang dianggap penting bagi Malaysia iaitu: (1) pengetahuan ilmu bidang, (2) kemahiran praktikal, (3) kemahiran dan kebertanggungjawaban sosial, (4) etika, moral dan keprofesionalisme, (5) kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, (6) kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik, (7) pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, dan (8) kemahiran mengurus dan keusahawanan (Sharifah Hapsah, 2006). Kemahiran generik ialah kemahiran yang diperlukan oleh pelajar selain bidang akademik untuk menjadi lebih berjaya dan cemerlang sebagai pengamal dalam bidang akademik, pekerjaan dan kehidupan (Falk & Millar 2002; Hambur, Rowe & Luc, 2002; Lublin, 2003). Kemahiran generik diterapkan atau diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam konteks subjek pengajian dan merupakan kemahiran boleh pindah - *transferable skills* (Kearns, 2001). Proses penilaian dan jaminan kualiti setiap graduan yang dilahirkan merupakan salah satu proses dalam sistem pendidikan di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Sungguhpun proses ini sukar dibangunkan tetapi inisiatif ini amat penting untuk menentukan sama ada pencapaian kemahiran generik dalam kalangan pelajar IPT wujud atau sebaliknya (Hambur, Rowe & Luc, 2002).

Kajian tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia (2005) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) telah mendapati sejumlah 59,315 siswazah menganggur. Faktor utama yang menjadi petunjuk utama pengangguran tersebut ialah kurang kemahiran komunikasi khususnya dalam kemahiran lisan dan kemahiran pemikiran kritikal khususnya dalam penaakulan yang berkaitan penyelesaian masalah. Masalah kurang berkemahiran komunikasi juga dihadapi bagi negara seperti Thailand, Nepal, Taiwan, China, Hong Kong, dan Jepun. Australia juga telah memberi fokus utama bagi menekankan kemahiran generik di kalangan pelajar universiti-universiti di Australia (National Centre for Vocational Education Research NCVET, 2003).

Terma generik berasal daripada beberapa istilah yang telah digunakan di serata negara di dunia dalam pelbagai sebutan. Kemahiran generik di Singapura disebut sebagai kemahiran kebolehan kritikal (*critical enabling skills*), sementara di United Kingdom, kemahiran generik disebut sebagai kemahiran asas (*core skills*), kemahiran kunci (*Key skills*), kemahiran umum (*common skills*) dan kemahiran boleh pindah (*transferable skills*). Istilah kemahiran generik telah digunakan di New Zealand dengan istilah kemahiran penting (*essential skills*). (Yusof, 2003).

Kesepaduan antara elemen-elemen kemahiran insaniah ini akan dapat melahirkan insan guru yang bijak berkomunikasi, bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran, serta berupaya menterjemahkan kemahiran insaniah ini untuk memberi sumbangan yang bermakna terhadap sekolah khususnya dan dunia pendidikan amnya (Rozanis, 2006). Kemahiran Generik penting dalam sektor pendidikan terutamanya di institusi perguruan. Menguasai kemahiran generik, akan membolehkan bakal guru pelatih bersaing dalam dunia pekerjaan. Majikan pada era globalisasi ini lebih menekankan kepada; keperluan pekerja yang mempunyai kemahiran kompetensi generik yang tinggi dalam kemahiran interpersonal, kepimpinan (Mason 1992; Quek, 1996) kerja berpasukan (Boud & Middleton, 2003; Kanapathy, 2001), dan kemahiran menulis dan lisan (Jacobsen, 1993; Schroder, 1989).

National Association of Colleges and Employers (NACE), 2002 membariskan lima kemahiran mengikut keutamaan yang menjadi minat majikan terhadap pekerja; kemahiran berkomunikasi, kejujuran dan integriti, kemahiran kerja sepasukan, kemahiran interpersona dan beretika kerja yang kuat. Menurut Mok Soon Sang (2003), penggunaan dan penerapan kemahiran generik secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran amat bergantung kepada penguasaan kemahiran pengintergrasiannya dengan kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran berfikir, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran belajar, kemahiran menilai dan menaksir dalam pengajaran, dan tidak kurang pentingnya kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi. Laporan Finn (1991), memperkenalkan konsep ini di Australia sebagai sesuatu yang diperlukan oleh seseorang untuk penyediaan diri sebelum bekerja. Jawatankuasa Mayer (1992), menerangkan pentingnya konsep hubungan dengan majikan dinyatakan dalam pembelajaran dan latihan. Jawatankuasa Mayer (1991) juga mencadangkan kompetensi penting perlu ada; mengumpul, menganalisis dan mengorganisasi idea dan informasi, menyatakan idea dan informasi,

merancang dan mengurus organisasi, bekerja dalam satu pasukan, menggunakan idea dan teknik matematikal, menyelesaikan masalah. Kerangka Kurikulum New Zealand mencadangkan 8 kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar; kemahiran berkomunikasi, kemahiran mencari informasi, kemahiran pengurusan sendiri dan bersaing, kemahiran fizikal, kemahiran numerikal, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kooperatif dan kemahiran belajar. *Qualification and Curriculum Authority (QCA) – United Kingdom*; Terdapat enam bidang yang penting; Kemahiran komunikasi, kemahiran teknologi informasi, kemahiran mengaplikasi numerikal, kemahiran bekerja dengan orang lain, kemahiran belajar dan meningkatkan prestasi dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Kerangka Pengembangan Kemahiran Utama (Bennett, Dunne & Carre, 1999) pula membahagikan kemahiran ini kepada empat bidang; kemahiran pengurusan sendiri, kemahiran pengurusan informasi, pengurusan kepelbagaian kemahiran, kemahiran pengurusan tugas. Megat Aman Zahiri, 2007, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM meletakkan piawaian bagi semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di Malaysia harus mempunyai rekabentuk yang menerapkan kemahiran generik yang meliputi; kemahiran berfikir, bertindak, mengadaptasi, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, kemahiran interpersonal dan berkomunikasi, kemahiran ICT, multimedia dan kemahiran pengurusan maklumat, kemahiran kepimpinan dan kemahiran keusahawanan. Universiti Teknologi Malaysia (2007) juga telah mengariskan beberapa kemahiran asas yang perlu diterapkan kepada para pelajarnya termasuklah pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan yang bakal menjadi guru. Kemahiran- kemahiran tersebut adalah; kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengadaptasi, pembelajaran sepanjang hayat, nilai sendiri, etika dan moral profesional. Menurut Posfas (2006); NCVER (2003), walaupun definisi kemahiran generik ini berbeza mengikut negara tetapi secara kolektifnya kemahiran ini mengukur enam elemen yang sama iaitu; kemahiran asas, kemahiran hubungan sesama manusia, kemahiran berfikir, kemahiran personal, kemahiran yang berhubungan dengan dunia keusahawanan dan kemahiran berkaitan komuniti.

Profesion perguruan perlu berkembang sesuai dengan kehendak semasa. Para guru mestilah sentiasa peka dan bersedia melakukan transformasi diri mengikut arus pendidikan. Melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan pada masa ini merupakan agenda utama yang perlu ada pada seseorang guru. Kompetensi peribadi dan kompetensi sosial perlulah dihayati sepenuhnya. Sebagai seorang pendidik sudah semestinya seorang guru itu memastikan dirinya telah dididik dengan sebaik mungkin bagi persediaan menghadapi segala situasi dalam profesionnya. Bagi memastikan perkara ini dapat direalisasikan, pengkaji merasakan perlunya satu bentuk penilaian khusus untuk menilai kemahiran generik para bakal guru diadakan, khususnya guru pendidikan jasmani di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP)

Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dengan Kepujian merupakan satu program latihan perguruan praperkhidmatan bagi melatih guru sekolah rendah dalam pelbagai mata pelajaran. Sebagai prasyarat, pelajar dikehendaki lulus kursus persediaan selama dua semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. (Buku Panduan Pendidikan Guru, 2007). Program ini bermatlamat melahirkan guru sekolah rendah yang berkualiti dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan ketrampilan profesionalisme dalam bidang masing-masing selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

Kurikulumnya bersifat dinamik, relevan, futuristik, responsif, holistik, dan bersepadu. Konsep “*the personhood of teachers*” dan pendekatan humanistik diberi fokus penting. Aplikasi teori untuk membina insan guru yang dapat menangani cabaran sebagai pendidik diutamakan. Bersifat koheren antara pengajaran berkesan (*effective learning*) dan pengalaman klinikal (*clinical experience*). Kurikulum ini juga menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. (Buku Panduan Pendidikan Guru, 2007).

Fokus hasil pembelajaran yang hendak dicapai melalui 3 tahap / aras selama empat tahun pengajian adalah dari segi: etika profesional, pengetahuan dan kefahaman, kemahiran intelek, kemahiran praktikal, kemahiran kebolehpindahan, penghayatan dan amalan nilai, hasil pembelajaran yang hendak dicapai pada Aras 1 akan diulang (*revisit*) semasa Aras 2 dan 3 dengan lebih meluas dan mendalam. Kurikulum yang direka bentuk ini adalah berdasarkan prosedur Jaminan Kualiti Akademik yang ditetapkan oleh Jaminan Kualiti IPG dan juga memenuhi Kod Jaminan Kualiti yang menepati Malaysian Qualification Framework (MQF).

Program PISMP Major Pendidikan Jasmani di IPG menawarkan Kursus Wajib (23 kredit), Kursus Teras (27 kredit), Kursus Major (45 kredit), Pakej Elektif (24 kredit) dan Kursus Tanpa Kredit (MUET). Kursus Wajib ialah kursus yang wajib dipelajari oleh setiap pelajar IPG yang mengikuti PISMP. Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pengetahuan asas, kemahiran generik, dan kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh seseorang guru. Kursus Teras terdiri daripada Pengajian Profesional, Major, dan Amalan Profesional. Kursus Major ditawarkan untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan kandungan subjek dan pengetahuan kandungan pedagogi bagi membolehkan pelajar menguasai major yang berkenaan. Penguasaan pengetahuan kandungan subjek adalah sehingga tahap ijazah. Kursus Major diagihkan sejumlah 45 kredit. Amalan Profesional membolehkan pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam situasi sebenar di sekolah. Sepanjang mengikuti program, pelajar dikehendaki menjalani Amalan Profesional selama 32 minggu.

Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

Jemaah Nazir, Kementerian Pelajaran Malaysia (1999); menyatakan Pendidikan Jasmani (PJ) dilihat sebagai salah satu kaedah bagi pembentukan Modal Insan cemerlang, kurikulum PJ digubal untuk memenuhi keperluan pertumbuhan dan perkembangan individu bagi membentuk masyarakat yang cergas, sejahtera dan produktif. Mata

pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ) merupakan mata pelajaran teras dalam kurikulum kebangsaan berdasarkan Akta Pelajaran 1996 (Akta 550) Subseksyen 18(2), PJ wajib diikuti oleh semua murid di sekolah rendah dan menengah. Ilmu dan amalan PJ dapat membentuk gaya hidup cergas, sahsiah dan sikap untuk menghadapi cabaran hidup. (Nasir, 2003). PJ mempunyai kurikulum yang ideal serta kaedah/strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. PJ digubal untuk memenuhi keperluan pertumbuhan dan perkembangan individu bagi membentuk masyarakat yang cergas, sejahtera dan produktif. (BPK, 2000)

Objektif Pendidikan Jasmani menurut Bahagian Perkembangan Kurikulum, KPM; mempertingkatkan dan mengekalkan kecergasan berasaskan kesihatan dan perlakuan motor, menguasai kemahiran asas pergerakan dan permainan mengikut kemampuan diri, melakukan senaman dan aktiviti fizikal sebagai rutin harian, mengaplikasikan pengetahuan kesihatan dan keselamatan semasa menyertai pelbagai kegiatan fizikal, membentuk sahsiah dan disiplin diri dan membuat keputusan bijak dalam kehidupan. PJ memberi peluang kepada murid untuk: aktif, memperoleh pengetahuan dan kemahiran praktikal, berfikir secara kreatif, kritis dan berinovatif, membuat keputusan yang bijak dan menyelesaikan masalah (Chen & Ennis, 2004;2009). PJ adalah bidang ilmu yang menggabungalinkan aspek pendidikan melalui aktiviti fizikal, menitikberatkan perkembangan dan penguasaan pergerakan fizikal yang bermakna (Nazri, 2004). Para guru pelatih Major PJ di IPG sentiasa memberi fokus terhadap seni dan pergerakan manusia dengan memanipulasi pergerakan supaya dapat mengembang ke arah matlamat pendidikan fizikal, mental dan sosial. PJ juga berkait secara langsung dengan tindak balas mental, emosi dan sosial murid. PJ adalah disiplin akademik yang melibatkan ilmu pendidikan seperti falsafah, psikologi, sosiologi dan ilmu sains seperti anatomi dan fisiologi yang diaplikasikan melalui pergerakan motor dalam pelbagai jenis sukan secara formal. (Buku Panduan PISMP IPGKTI, 2007).

Pelajaran PJ juga membantu ke arah pembentukan Modal Insan Cemerlang. Guru PJ yang menguasai teras pengetahuan mengajar ini akan dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang pelbagai cara berdasarkan konten, kaedah, strategi dan teknik pengajaran yang sesuai untuk mencapai objektif pelajaran. (Alimuddin 2006).

Instrumen penilaian yang digunakan untuk menilai kemahiran generik,

1. Standard Guru Malaysia (SGM)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan. Antara langkah yang telah diusahakan termasuklah memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institut latihan perguruan dan menambah baik laluan kerjaya seorang guru. Kajian rintis telah dilaksanakan terhadap SGM di mana 403 orang Pensyarah IPG, 2022 orang guru pelatih KPLI dan 100 orang guru sekolah rendah telah digunakan sebagai responden. Kebolehpercayaan item

dianalisis berdasarkan setiap standard dan subdomain yang mewakili standard berkenaan. Hasil analisis menunjukkan semua standard, domain dan subdomain instrumen SGM berada dalam nilai yang baik dan diterima sebagai instrumen yang boleh dipercayai untuk mengukur standard guru di Malaysia.

SGM mempunyai dua komponen utama yang saling berkait iaitu; (i) standard dan (ii) keperluan. Standard merangkumi tiga aspek; (i) amalan nilai profesionalisme keguruan; (ii) pengetahuan dan kefahaman; (iii) kemahiran pengajaran dan pembelajaran, manakala keperluan mempunyai lima aspek yang terdiri dari; (i) kelayakan dan prosedur pengambilan calon program latihan perguruan.; (ii) latihan pentaksiran dan penilaian; (iii) kolaborasi; (iv) infrastruktur dan infostruktur; (v) jaminan kualiti.

Dalam buku panduan PISMP, IPG(2007), instrumen SGM berskala Likert 4 mata yang diberi nilai; dari 1(lemah) sehingga 4(cemerlang) telah dibunkan bagi menguji tahap kompeten guru, tiga domain utama diberikan perhatian;

S1 – Amalan Nilai Profesional Keguruan

S1.1 Domain Diri

S1.2 Domain Profesional

S1.3 Domain Sosial

S2 – Pengetahuan dan Kefahaman

S3 – Kemahiran

S3.1 Perancangan

S3.2 Pelaksanaan

S3.3 Memantau, Mentaksir dan Menilai

S3.4 Pengurusan Bilik Darjah

Standard Guru Malaysia menetapkan pencapaian kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru untuk menjamin dan mengekalkan pendidikan yang berkualiti kepada warganegara Malaysia kini dan akan datang. SGM dapat memastikan guru yang dihasilkan mempunyai kompetensi yang tinggi dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

2. Instrumen Kemahiran Generik Penilaian Pensyarah (IKGPP).

Instrumen ini dibangunkan oleh Siti Rahayah, Jamil dan Nur'ashikin (2010). Instrumen ini direka bentuk untuk mengukur sembilan konstruk kemahiran generik, iaitu; Komunikasi, Kepimpinan, Kerja Berpasukan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pengurusan Maklumat, Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah. Keusahawanan, Etika Moral dan Profesional, Sosial dan Pengurusan. Instrumen yang dibentuk dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai-Facet (Many Facet Rasch Management) yang melibatkan tiga facet, iaitu; pelajar, item dan pensyarah penilai serta dianalisis menggunakan perisian Facets 3.64.0.

Terdapat pelbagai kaedah bagi pelajar untuk mengetahui kemahiran generik yang ada pada pelajar dengan bantuan pensyarah atau guru. Antara kaedah penilaian yang boleh

digunakan dalam menilai kemahiran generik adalah melalui ujian piawai pelbagai pilihan, penilaian sendiri, penilaian oleh rakan sebaya, portfolio dan juga melalui perspektif atau penilaian oleh pensyarah dan penilai (Grummon 1997). Penilaian oleh pensyarah juga kadangkala dikenali sebagai penilaian berasaskan kecekapan atau penilaian autentik. Instrumen berbentuk penilaian oleh penilai juga ada yang telah dibina sebelum ini. McCurry dan Bryce (1997;2000) telah membentuk satu penal penilai bagi menilai para pelajar dimana penilaian dilakukan dengan pertimbangan yang konsisten terhadap kebolehan pelajar. Selain itu, terdapat juga instrumen penilaian kemahiran generik yang dibina oleh Iramaneerat (2008) yang mengukur kemahiran komunikasi, Matsumo (2006) mengukur kemahiran penulisan, Banno (2008) mengukur kemahiran perbualan. Mereka hanya mengukur satu konstruk sahaja.

3. Instrumen Kemahiran Generik Pengajian Tinggi (*Generic Skills Instrument for High Education*).

Instrumen Kemahiran Generik Pengajian Tinggi, 3 konstruk ini mengandungi 77 item skala 5 mata. Instrumen ini telah digunakan kepada 1,262 orang pelajar prasiswazah di dua belas fakulti Universiti Kebangsaan Malaysia yang dipilih secara rawak berkelompok. Dapatan akhir kajian menggunakan model pengukuran *confirmatory factor analysis* telah mengugurkan 15 item dan mengekalkan 62 item yang sah dan oleh dipercayai untuk mengukur 13 konstruk kemahiran generik dalam GeSIHE, Pembinaan instrumen GeSIHE 2008 ini adalah berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Framework – MQF berasaskan teori kognitif, behaviorisme dan sosial, Model atau kerangka konsep kemahiran generik adalah berdasarkan konteks sesebuah negara. Tidak terdapat persetujuan peringkat antarabangsa bagi menentukan konseptual atau jenis-jenis kemahiran generik yang penting, juga tidak terdapat model yang tetap (Rodiah, 2010). Terdapat banyak kekurangan bagi setiap preskripsi bagaimana kemahiran generik harus dipelajari dan ditaksir (Porfas, 2006). Bagaimanapun berdasarkan literatur, kemahiran generik ini adalah sesuatu yang realistik dan penting untuk dibangunkan dan ditaksir. Kemahiran –kemahiran ini sangat diperlukan oleh semua sektor untuk menjadikan pelajar dan pekerja lebih efektif dan berkesan (Rodiah, 2008).

Teori statistikal menggunakan Model Persamaan Struktural (SEM) merupakan analisis akhir pembinaan GeSIHE. Analisis model pengukuran dalam *Confirmatory factor analysis* (CFA) telah dijalankan bagi menentukan item-item dalam GeSIHE mengukur konstruk yang ingin diukur. CFA sesuai digunakan apabila penyelidik mempunyai sedikit pengetahuan yang mendasari struktur pembolehubah terpendam (Byrne, 2001).

Instrumen Kemahiran Generik Pengajian Tinggi (GeSIHE) telah digunakan untuk mengukur kemahiran generik pelajar. GeSIHE digunakan untuk mengukur 13 kemahiran generik dengan 77 item terdiri daripada (i) Tanggungjawab sosial (6 item), (ii) Menghargai alam sekitar (4 item), (iii) Etika, moral dan profesionalisme (4 item), (iv) Kerohanian (4 item), (v) Komunikasi (8 item), (vi) Kepimpinan (6 item), (vii) Kerja berpasukan (8 item), (viii) Berfikiran kritikal dan menyelesaikan masalah (9 item), (ix)

Globalisasi (4 item), (xii) Keusahawanan (5 item), (xiii) Pengurusan (5 item). GeSIHE adalah instrumen skala Likert lima mata (tidak mantap, kurang mantap, sederhana, baik dan sangat baik).

Kebanyakan instrumen pengukuran kemahiran generik mengukur tahap kemahiran tersebut dikalangan pelajar universiti dan pekerja sahaja dan tidak mengkhususkan kepada bidang keguruan. Tidak terdapat instrumen yang telah diibangunkan ini menilai guru-guru pelatih di IPG khususnya dalam bidang pendidikan jasmani. Kajian literatur yang dilakukan pengkaji juga mendapati masih tidak terdapat instrumen penilaian kemahiran generik guru-guru pelatih IPG major pendidikan jasmani, oleh itu kajian ini adalah signifikan bagi memenuhi kekurangan yang terdapat dalam kajian terdahulu.

Model Pembangunan Ujian

Dalam menilai kesesuaian model dan data, model pengukuran Rasch berperanan untuk memberi perhatian kepada persoalan sejauh mana kebergunaan data yang diperolehi sesuai (fit) dengan model dan bukan untuk membolehkan model menjadi sesuai dengan data (Linacre, 2004, Wright dan Stone, 1979). Keserasian data diukur dengan melihat sejauh mana item dalam sesuatu instrumen berjaya untuk mentafsir satu dimensi utama atau konstruk bagi alat ukur tersebut. Ketidakserasian dari aspek dimensi memberi petunjuk, kemungkinan wujudnya dimensi-dimensi lain yang wujud dikonstruksi. Elemen penting yang menjadi petunjuk bagi menentukan unidimensi adalah dengan melihat sama ada dimensi tersebut menjadi gangguan kepada dimensi yang utama (Linacre, 2005).

Salah satu pertimbangan penting dalam pembinaan suatu ujian ialah untuk menjamin ujian tersebut unidimensi. Ini penting kerana unidimensi item adalah satu keperluan dalam menggunakan model Rasch (Hambleton dan Cook, 1977).

Teori-teori Pengukuran

Pengukuran ialah satu proses atau sistem yang digunakan untuk menentukan nilai kuantitatif sesuatu perkara, benda atau keadaan dimana nilai kuantitatif ini biasanya dinyatakan dalam unit angka yang tetap dengan menggunakan alat pengukuran yang berkaitan (Siti Rahayah, 2008). Crocker dan Algina (1986) juga mentakrifkan pengukuran sebagai suatu proses kuantifikasi yang melibatkan pemberian nilai angka untuk ciri-ciri atau atribut tertentu dengan menggunakan suatu alat pengukuran. Bagi pengukuran ciri yang fizikal, seperti jarak, masa, berat dan ketinggian, pemberian nilai dilakukan secara langsung kerana nilai dan angka merupakan satu cara penandaan yang mudah. Pengukuran sifat-sifat psikologi seperti persepsi atau kemampuan adalah lebih subjektif yang memerlukan suatu instrumen untuk proses pengukuran. Pemasalahan sering ditimbulkan dengan pengukuran konstruk psikologi dan sering dibahaskan. Teori-teori dan model yang berkaitan adalah penting kepada amalan pengukuran pendidikan dan psikologi kerana menyediakan rangka kerja bagi mempertimbangkan isu-isu menangani permasalahan teknikal tersebut (Hambleton dan Jones, 1993). Crocker dan Algina (1986) telah

mengutarakan masalah yang berkaitan hal tersebut; (i) tiada pendekatan tunggal untuk pengukuran konstruk yang boleh diterima sejagat; (ii) ukuran psikologi biasanya berdasarkan sampel tingkah laku yang terhad; (iii) pengukuran sering dipengaruhi dengan kesilapan sampel tingkah laku; (iv) kekurangan dan kekeliruan unit untuk diertikan dengan jelas dalam sekala pengukuran; dan (v) konstruk-konstruk psikologi tidak boleh ditakrifkan dengan takrifan pengertian operasi sahaja. Oleh yang demikian, bagi mengatasi permasalahan ini maka teori-teori penyelesaian dihasilkan.

1. Teori Ujian Klasikal (*Classical Test Theory – CTT*)

Teori Ujian Klasikal (TUK) ini merupakan teori yang dominan dan telah menguasai bidang pengukuran sains sosial masa kini. Teori ini ringkas dan merupakan suatu model yang linear. Zeng dan Wyse (2009) menyatakan terdapat empat statistik utama dalam kerangka kerja Teori Pengujian Klasik; (i) kesukaran item; (ii) korelasi antara ujian item; (iii) pekali kebolehppercayaan; dan (iv) ralat pengukuran piawai. Matlamat umum teori pengujian ini ialah untuk menentukan sama ada pemboleh ubah tidak bersandar memberi kesan atau mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar. Statistik yang dinyatakan dalam teori pengujian ini sangat berguna di dalam proses pembangunan ujian (Hemblemton dan Jones, 1993) dan ia mempunyai beberapa kelebihan seperti (i) saiz sampel yang kecil boleh digunakan dalam analisis; dan (ii) pengiraannya adalah mudah dan ringkas.

2. Teori Respons Item (*Item Response Theory – IRT*)

Dikenali juga dengan nama Teori Trait Pendam atau Teori Kelok Ciri Item (Hemblemton dan Jones, 1993). Teori Respon Item (TRI) merupakan satu pendekatan di alam pembinaan dan pengesahan instrumen yang mampu memberi gambaran dengan lebih jelas berhubung dengan fungsi-fungsi item. Teori ini menggambarkan paradigma bagi rekabentuk, analisis, pemarkahan ujian, soal selidik dan instrumen untuk mengukur kebolehan serta sikap atau pemboleh ubah yang lain. Perbezaannya dengan TUK adalah TRI lebih merujuk kepada penumpuan teori terhadap item dan bukan penumpuan kepada ujian tahap seperti TUK. Penggunaan istilah item digunakan kerana kebanyakan soalan yang dihasilkan tidak semestinya soalan. Terdapat pelbagai bentuk item yang dibina seperti; (i) soalan aneka pilihan bagi menguji kognitif pelajar; (ii) rating atau skala untuk mengenal pasti persepsi atau pendapat; dan (iii) pilihan jawapan “Ya” atau “Tidak”. Berdasarkan teori ini, parameter individu dipanggil sebagai trait terpendam atau keupayaan individu dan sebagai contohnya seperti kepintaran seseorang atau sikap yang terpuji pada seseorang. Pendekatan teori ini yang berbentuk linear mengandaikan bahawa prestasi individu dalam menjawab item dipengaruhi oleh trait terpendam tersebut (Akhbariah, 2007). TRI secara amnya, dianggap sebagai suatu usaha peningkatan terhadap TUK dimana TRI menyediakan suatu aplikasi yang lebih fleksibel serta menyediakan maklumat yang sofistikated berbanding TUK. Teori ini mampu untuk melakukan perbandingan diantara responden walaupun mereka tidak menjawab item-item

yang sama diberikan, dengan syarat semua item itu mengukur satu trait terpendam yang sama (Akhbariah, 2007). Standard Guru Malaysia menetapkan pencapaian kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru untuk menjamin dan mengekalkan pendidikan yang berkualiti kepada warganegara Malaysia kini dan akan datang. SGM dapat memastikan guru yang dihasilkan mempunyai kompetensi yang tinggi dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

Penutup

Secara keseluruhannya pengkaji telah memaparkan kajian-kajian berkaitan model dan teori yang menjurus kepada pembentukan sebuah instrumen penilaian. Kupasan ini akan membantu pengkaji meneliti keperluan-keperluan bagi membangunkan satu instrumen yang dapat menilai kemahiran generik guru-guru pelatih IPG agar dapat mengukur sejauh mana kemahiran itu ada pada mereka sebelum menjadi guru pendidikan jasmani yang unggul.

Rujukan

- Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus, dan Noraini Kaprawi (2004). "Peranan Kokurikulum dalam Pembangunan Kemahiran Generik" Jurnal Sains Sosial. KUiTTHO: Jilid 2. Bil 1. hlmn 1-7.
- Ahamad Sipon (2005), Perutusan Hari Guru 2005, Online :
<http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.htm>
- Azizi, et. al. 2010 , Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar. Retrived 21.07.2012 from
http://eprints.utm.my/2265/1/AziziYahaya_Kecerdasan_Emosi_dan_Hubungan_Pencapaian.pdf
- Carnegie, D, 1985. *How to stop worrying and Start Living*.New York: Pocket Books.
- Chua Yan Piaw, 2009. *Statistik Penyelidikan Lanjutan Buku 5*. Kuala Lumpur: Malaysia.
- DeCoster, J. 1998. *Overview of Factor Analysis*. Retrived 15.06.2012 from
<http://www.stat-help.com/notes.html>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: DBP
- Goleman.D, 1999. *Working with Emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman.D, 1995. *Emotional Intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goktas, Z, 2012. *The Attitudes of Physical Education and Sport Students towards Information and Communication Technologies*. Tech Trends, March/April 2012 Volume 56, Number 2.
- Grasten, A. 2012. *Prediction of enjoyment in school physical education*; Jurnal of Sports Science and Medicine, 2012, 11,
- Geana W, Leane B, Bonnie J. 2010 *Essential Soft Skills for Success in the Twenty-First Century Workforce as Precieved by Business Educators*; The Delta Pi Epsilon Journal, Volume LII, No I, Winter 2010.
- Iskandar, Rohaty Mohd Majzub & Zuria Mahmud. 2009. *Kecerdasan Emosi dan Komitmen Pekerjaan dalam Kalangan Pensyarah Universiti di Indonesia*. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009): 173 – 186
- Jones, A. 2008. *Generic Attributes As Expoused Theory: the importance of context*. Melbourne, Australia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. KPM: Putrajaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Induk Pembangunan Nasional 2013-2025*. KPM: Putrajaya.
- Idham, Zamri, Melor & Nik Mohd Rahimi (2010). *Profil Kecerdasan Emosi Guru Pelatih Bahasa Mengikut Tahun Pengajian*, GEMA Online Journal of Language Studies 57 Volume 10(2) 2010.
- Megat Zakaria, Megat Aman Zahiri. (2007). *Hubungan Antara Kemahiran Generik Dengan Jantina, Pengkhususan Dan Pencapaian Guru-Guru Pelatih UTM: Satu Tinjauan*
- Mohd Salleh Mahat, 2008. *Pembentukan Awal Perwatakan dan Sahsiah Guru Pelatih melalui Aktiviti GERKO-Olahraga: Persepsi Guru Pelatih di Institut Perguruan Batu Lintang: Satu Tinjauan*. Jurnal Penyelidikan IPBL, Jilid 8, 2008.
- Mohd Sani Ibrahim, 2002. *Etika Perkhidmatan Guru*. Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusop, Ahmad Esa, Yogeshwari, Zurina. 2008. *Sumbangan Kurikulum dan Kokurikulum Bagi Penguasaan Kemahiran Generik Terhadap Pelajar Tahun Akhir UTHM*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2003). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (komponen 3: Profesionalisme Keguruan) Sekolah Rendah*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Noriah, Ramlee, Siti Rahayah (2003). *Hubungan Antara Faktor Kecerdasan Emosi, Nilai Kerja dan Prestasi Kerja di Kalangan Guru Maktab Rendah Sains MARA*. Jurnal Teknologi, 39(E) Dis. 2003: 77–84.
- Rodiah, Siti Rahayah, Noriah. 2010. *Jurnal Kemanusiaan bil 16*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rahayah , Jamil, Nur' Ashiqin, 2012. *Pembangunan Instrumen Kemahiran Generik Pelajar Berasaskan Penilaian Pensyarah dengan Menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset*. Jurnal Pendidikan Malaysia 35(2)(2010)
- Rozanis Mustapa. (2006). *Kepentingan Kemahiran Generik di Kalangan Bakal Pendidik. Projek Sarjana Muda UTM*. Tidak diterbitkan.
- Siti Rahayah, Nur Ashiqin, Rodhiah, Ayesha, Nur Aidah. 2011. *Jurnal Teknologi, 56 (Sains Sosial)*, UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia
- Syafrimen. 2004. *Profil Kecerdasan Emosi Guru-guru Sekolah Menengah Zon Tengah Semenanjung Malaysia*. Kertas Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Sofian et.al. 2010. Kesan Kecerdasan Emosi Ke Atas Tekanan Kerja dan Niat Berhenti Kerja Profesion Perguruan. *Jurnal e-Bangi. Volume 5, Number 1,53-68* , 2010.ISSN: 1823-884x

Universiti Teknologi Malaysia (2007). Kertas Cadangan Senat. UTM Skudai.